

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)**

**GARIS PANDUAN MEMPROSES PERMOHONAN PENDAFTARAN
KLINIK PERUBATAN/ PERGIGIAN SWASTA**

**AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998
[AKTA 586]**

**PERATURAN-PERATURAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA
(KLINIK PERUBATAN SWASTA ATAU KLINIK PERGIGIAN SWASTA) 2006
[P.U. (A) 137/2006]**

1.0 LATAR BELAKANG

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturannya telah dikuatkuasakan bermula 1 Mei 2006.

Semua klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta perlu mematuhi ketetapan di bawah Akta 586 dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 sebelum ianya boleh didaftarkan dan mula beroperasi.

Selain itu, semua klinik pergigian swasta perlu mematuhi Akta Pergigian 2018 [Akta 804] dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Pergigian Malaysia [*Malaysian Dental Council, (MDC)*].

Oleh itu, satu garis panduan dikeluarkan dan digunakan bagi membantu kakitangan Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) dan pegawai pergigian, samada di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (HQ) atau Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan (JKN/WP) untuk memproses atau mengendalikan permohonan yang diterima.

2.0 PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pegawai proses di CKAPS serta pegawai pergigian mengenai perkara-perkara yang perlu disemak dan dipertimbangkan semasa memproses permohonan pendaftaran klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta.

Garis panduan ini perlu digunapakai oleh semua pegawai proses di CKAPS dan pegawai pergigian dalam memproses permohonan.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan permohonan pendaftaran diproses mengikut ketetapan Akta 586 dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006.
- 3.2 Memastikan permohonan pendaftaran yang diterima adalah lengkap dan mematuhi (*complete and comply*) standard yang ditetapkan.
- 3.3 Memastikan keseragaman pemprosesan permohonan pendaftaran klinik perubatan dan pergigian swasta.

4.0 DEFINISI

- 4.1 Merujuk seksyen 2, Akta 586:
 - 4.1.1 “perkhidmatan jagaan kesihatan swasta” ertinya apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta;
 - 4.1.2 “kemudahan jagaan kesihatan swasta” ertinya mana-mana premis, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan, seperti hospital, hospis, pusat jagaan ambulatori, rumah jagaan kejururawatan, rumah bersalin, hospital psikiatri, rumah jagaan psikiatri, pusat kesihatan mental masyarakat, pusat hemodialisis, klinik perubatan, klinik pergigian swasta dan apa-apa premis jagaan kesihatan atau yang berhubungan dengan kesihatan lain yang boleh ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta;
 - 4.1.3 “klinik perubatan swasta” ertinya mana-mana premis, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi amalan perubatan atas dasar pesakit luar termasuklah—

- (a) memeriksa, mendiagnosis, atau merawat mana-mana orang yang menghidap, atau dipercayai menghidap, apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;
 - (b) perkhidmatan jagaan kesihatan pencegahan atau penggalakan; dan
 - (c) mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa badan manusia dengan pemakaian apa-apa perkakas, kelengkapan, alat atau peranti;
- 4.1.4 “klinik pergigian swasta” ertinya mana-mana premis, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi amalan pergigian dan termasuklah premis yang digunakan oleh mana-mana orang—
- (a) untuk merawat atau cuba untuk merawat atau mengaku untuk merawat, mengubati, melegakan atau mencegah apa-apa penyakit, kekurangan atau lesi atau sakit gigi atau rahang manusia;
 - (b) untuk melaksanakan atau cuba untuk melaksanakan apa-apa pembedahan pada gigi atau rahang manusia;
 - (c) untuk melaksanakan apa-apa kerja radiografi berkaitan dengan gigi atau rahang atau rongga mulut manusia; atau
 - (d) untuk memberikan apa-apa rawatan, nasihat atau bantuan pada atau kepada mana-mana orang berkaitan dengan pemadanan atau pemasangan bagi maksud pemadanan atau pemasangan gigi buatan atau korona atau jambatan atau suatu alat bagi pemulihan atau pengaturan gigi atau rahang manusia;
- 4.1.5 “orang yang bertanggungjawab” ertinya seseorang yang mempunyai apa-apa kelayakan, latihan dan pengalaman sebagaimana yang ditetapkan dan yang bertanggungjawab bagi pengurusan dan kawalan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang ada kena-mengena dengan sesuatu lesen atau pendaftaran;
- 4.1.6 “pengamal perubatan berdaftar” ertinya mana-mana orang yang didaftarkan sebagai yang sedemikian di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] dan yang memegang perakuan pengamalan yang sah;
- 4.1.7 “pengamal pergigian berdaftar” ertinya mana-mana orang yang didaftarkan sebagai yang sedemikian di bawah Akta Pergigian 1971 [*Akta 51*]/ Akta Pergigian 2018 [*Akta 804*] dan yang memegang perakuan pengamalan yang sah;
- 4.2 Amalan pergigian juga adalah merujuk kepada amalan pergigian di bawah Subseksyen 62(2), Akta 804.

- 4.3 **Lengkap & Mematuhi (*Complete and Comply*)**
- 4.3.1 Borang A cetakan *online* yang diterima lengkap diisi dan ditandatangani oleh pemohon.
- 4.3.2 Semua salinan dokumen sokongan yang diperlukan diperakui sah oleh pegawai Kerajaan Gred 41 ke atas/pegawai Kumpulan A (pengurusan dan profesional), pegawai perubatan/pergigian, pegawai kehakiman dan perundangan, atau yang setara dengannya.
- 4.3.3 Akuan Berkanun asal [*original Statutory Declaration, (SD)*]:
- Terkini (tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tarikh permohonan)
 - Ditandatangani oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, Pesuruhjaya Sumpah atau notari awam; dan
 - Maklumat yang tertera pada akuan diisi lengkap.
- 4.3.4 Pelan lantai cadangan hendaklah mengikut skala 1:100, sekurang-kurangnya dilukis oleh pelukis pelan (*draughtsman/draftsman*).
- 4.3.5 Pelan lantai lengkap (*fully loaded/facility management plan*) menunjukkan *columns, beams*, ruang bawah tangga (sekiranya berkaitan), bilik perundangan, bilik rawatan dan bilik-bilik lain yang berkaitan, berserta nama dan alamat klinik, *legend* dan ukuran yang mematuhi peraturan yang ditetapkan (ukuran adalah berdasarkan ukuran dalam dinding ke dinding, bukannya ukuran tengah bata ke tengah bata).
- 4.3.6 Pelan lantai lengkap yang menyatakan ukuran bukaan lega (*clear opening*) pintu masuk/keluar pesakit, pintu bilik perundangan, pintu bilik rawatan, pintu tandas yang mematuhi peraturan yang ditetapkan dan mana-mana pintu laluan pesakit berserta arah ayunan pintu (ukuran adalah bukaan lega bukannya dari bingkai ke bingkai pintu).
- 4.4 **Pengubahsuaian**
- 4.4.1 Kerja-kerja mengubahsuai premis dilakukan oleh pemohon berdasarkan pelan lantai yang telah diluluskan dan setelah menerima surat tiada halangan untuk melakukan pengubahsuaian yang dikeluarkan oleh CKAPS HQ.
- 4.4.2 Masa yang diberikan adalah dalam tempoh 3 bulan.
- 4.4.3 Sekiranya melebihi tempoh 3 bulan, pemohon perlu memohon kelulusan secara bertulis kepada CKAPS HQ untuk perlanjutan.
- 4.4.4 Tempoh perlanjutan adalah tertakluk kepada pertimbangan CKAPS HQ
- 4.4.5 Sekiranya pengubahsuaian tidak dapat dilakukan dalam tempoh maksimum yang dibenarkan, pemohon perlu tarik balik permohonan dan mengemukakan permohonan yang baharu.

5.0 PERKARA-PERKARA YANG PERLU DISEMAK DAN DITELITI

5.1 Nama Klinik

- 5.1.1 Nama yang disarankan dan digalakkan adalah nama yang menggambarkan *professionalism* seperti *Klinik Perubatan Dr. Tan, Klinik Pakar Kanak-Kanak Dr. Lee* dan sebagainya.
- 5.1.2 Selaras dengan jenis klinik (umum atau pakar), skop perkhidmatan yang disediakan dan kelayakan orang yang bertanggungjawab (OYB).
- 5.1.3 Berdasarkan National Specialist Register (NSR), contohnya “Klinik Pakar Kulit”.
- 5.1.4 Perlu sama dengan nama yang dimohon dalam Borang A, papan tanda nama klinik, Perakuan Amalan Tahunan [*Annual Practicing Certificate, (APC)*] dan Perakuan Pendaftaran klinik.
- 5.1.5 TIDAK dibenarkan perkara-perkara berikut:
- (a) Menggunakan nama yang menyamai kemudahan kesihatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan seperti *Klinik Malaysia, Klinik Kesihatan, Klinik Desa* dan sebagainya.
 - (b) Mengelirukan orang awam mengenai skop perkhidmatan yang disediakan seperti *pusat/centre* atau menjurus kepada selain dari perkhidmatan alopantik (contohnya *wellness, dispensary, ozone, lifestyle* dan sebagainya) atau terlalu spesifik seperti Klinik Diabetes, Klinik Luka, Klinik Sendi dan sebagainya.
 - (c) Menggunakan perkataan estetik atau nama yang seumpamanya seperti *facework, sculpt, spa, kosmetik, beauty* kerana estetik tidak diiktiraf sebagai satu bidang kepakaran tetapi hanya sebagai *area of interest*.
 - (d) Menggunakan nama produk atau nama jenama sebagai nama klinik.
 - (e) Nama yang memberi maksud terbaik, *over claimed, grandiose, precision, international, global, asia, the best* dan sebagainya.
 - (f) Menggambarkan konsep *feeder clinic* atau cawangan kepada kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta berlesen.
- 5.1.6 Bagi klinik pergigian:
- (a) Untuk amalan perseorangan, nama klinik hendaklah dimulakan dengan nama “Klinik Pergigian” atau “Surgeri Pergigian”.
 - (a) Bagi amalan berkumpulan, selain nama di atas (“Klinik Pergigian” atau “Surgeri Pergigian”), nama klinik boleh dimulakan dengan nama “Pusat Pergigian”.
 - (b) Bagi klinik pakar, nama klinik hendaklah dimulakan dengan nama “Klinik Pergigian Pakar”, “Surgeri Pergigian Pakar”, atau “Pusat Pergigian Pakar”. Contohnya, Klinik Pergigian Pakar Ortodontik Ahmad.

- (c) Mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh MDC dari semasa ke semasa.
 - (d) *Guidelines and Provisions for Public Information* yang dikeluarkan oleh MDC ada menjelaskan *names of practices should be decent, appropriate and reflect professionalism*. Sehubungan itu nama-nama objek seperti bunga, buah dan binatang tidak seharusnya dibenarkan melainkan sekiranya nama objek tersebut adalah berkaitan dengan nama jalan, nama bangunan, nama taman dan nama kawasan premis perigian swasta tersebut.
- 5.1.7 Dari aspek bahasa, klinik perubatan swasta dibenarkan untuk menggunakan nama di dalam Bahasa Inggeris tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan manakala bagi klinik perigian swasta hanya dibenarkan menggunakan nama klinik di dalam Bahasa Malaysia selaras dengan *Guidelines and Provisions for Public Information* yang terkini dikeluarkan oleh MDC.
- 5.1.8 Terjemahan langsung (*direct translation*) kepada nama yang dimohon dalam Borang A adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, saiz tulisan bagi terjemahan tersebut hendaklah lebih kecil dari nama yang dimohon dalam Borang A.
- 5.2 **Alamat Klinik**
- 5.2.1 Alamat yang lengkap dan spesifik dengan menyatakan nombor lot premis, tingkat bangunan, poskod, bandar dan negeri tempat klinik yang ingin didaftarkan seperti **No.123, Tingkat 4, Bangunan Wisma 567, 43000 Kajang, Selangor**.
- 5.2.2 Dokumen sokongan seperti cukai taksiran, bil utiliti, perjanjian sewa/beli atau dokumen lain yang berkenaan boleh digunakan sebagai rujukan bagi mendapatkan alamat klinik yang lengkap.
- 5.2.3 Bagi premis yang terletak di tingkat selain tingkat bawah (*ground floor*), pemohon perlu mengemukakan **surat aku janji maklumat ukuran lebar tangga dan bukaan lega pintu ke tangga dan bukti bergambar (rujuk Lampiran 1)**.
- 5.2.4 Lokasi premis hendaklah di lot komersial dan bukan lot kediaman/tanah persendirian
- 5.3 **Tarikh Klinik Ditubuhkan/Akan Ditubuhkan**
- 5.3.1 Tarikh penubuhan klinik di lokasi yang dipilih.
- 5.3.2 BUKAN tarikh klinik yang terdahulu ditubuhkan (jika klinik pindah lokasi atau membuka cawangan baru).
- 5.4 **Waktu Operasi Klinik**
- 5.4.1 Merujuk kepada waktu klinik dibuka dan didaftarkan dalam Borang A.
- 5.4.2 Bukan jadual bertugas OYB atau pengamal perubatan berdaftar.

5.5 Jenis Perkhidmatan

- 5.5.1 Adalah terhad untuk perkhidmatan pesakit luar sahaja dan tidak memerlukan pemantauan (*observation*).
- 5.5.2 Jenis perkhidmatan klinik perlu setara dengan kelayakan OYB dan tertakluk kepada garis panduan berkaitan dari semasa ke semasa.
- 5.5.3 Perlu mengemukakan skop perkhidmatan yang akan diberikan termasuk *simple* prosedur klinikal yang akan dijalankan seperti *minor wound dressing*, *simple incision & drainage* dan sebagainya.
- 5.5.4 Bagi klinik perubatan/ pergigian swasta umum, OYB yang dibenarkan adalah-
- (a) *General Practitioner*;
 - (b) Pakar yang mempunyai kelayakan *Master in Public Health (MPH)*/ *Master in Dental Public Health (MDPH)*/ *Doctorate In Dental Public Health (DDPH)*/ *Master in Pathology*/ *Master in Oral Medicine & Oral Pathology* ; atau
 - (c) Pakar yang tidak mahu meneruskan bidang kepakarannya.
- 5.5.5 Bagi klinik dengan perkhidmatan kepakaran, OYB perlu mempunyai kelayakan kepakaran yang setara. OYB perlu melampirkan salinan sijil kelayakan kepakaran dan sijil NSR/ Perakuan Pendaftaran sebagai Pakar Pergigian.
- 5.5.6 Perkhidmatan estetik dibenarkan untuk pengamal perubatan umum atau pakar terhad kepada prosedur pesakit luar mengikut kelayakan OYB sepertimana yang digariskan dalam *Guidelines on Aesthetic Medical Practice for Registered Medical Practitioners* dengan mengemukakan sijil *Letter of Credentialing and Privileging (LCP)* yang sah tempoh.
- 5.5.7 Klinik perubatan swasta umum hanya menyediakan perkhidmatan pesakit luar umum sahaja (*general practice*).
- 5.5.8 Klinik perubatan swasta umum dengan perkhidmatan estetik sebagai *area of interest* hanya boleh menyediakan perkhidmatan pesakit luar umum dan perkhidmatan estetik dimana skop perkhidmatan yang dibenarkan adalah bergantung kepada skop perkhidmatan yang disenaraikan dalam LCP OYB (*Chapter 1*).
- 5.5.9 Klinik perubatan swasta pakar hanya boleh menyediakan perkhidmatan kepakaran yang selaras dengan NSR OYB. Oleh itu, pengamal perubatan umum (tanpa kepakaran) tidak boleh memberikan perkhidmatan perubatan umum di klinik perubatan swasta pakar.
- 5.5.10 Klinik perubatan swasta pakar dengan perkhidmatan estetik sebagai *area of interest* hanya boleh menyediakan perkhidmatan pakar perubatan/pembedahan dan perkhidmatan estetik dimana:
- (a) Perkhidmatan kepakaran adalah selaras dengan NSR OYB;

- (b) Skop perkhidmatan estetik adalah selaras dengan LCP OYB (*Chapter 2/3*); dan
- (c) Prosedur *surgical modalities* dalam *Chapter 3* yang dilakukan di dalam bilik pembedahan kecil (*minor surgery room*) adalah terhad kepada prosedur yang memerlukan bius lokal sahaja (*local anaesthesia*)

5.6 Jenis Amalan

- 5.6.1 Amalan perseorangan merujuk kepada klinik yang akan dijalankan oleh seorang sahaja pengamal perubatan/pergigian berdaftar secara tetap.
- 5.6.2 Amalan berkumpulan merujuk kepada amalan yang bukan amalan perseorangan.
- 5.6.3 Perkongsian bermaksud terdapat sekumpulan individu yang bilangannya lebih daripada dua orang yang bekerja bersama, contohnya suatu perniagaan yang terdapat dua atau lebih pemilik.
- 5.6.4 Pertubuhan perbadanan bermaksud syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016.
- 5.6.5 Pertubuhan bermaksud badan yang ditubuhkan untuk menjalankan sesuatu lembaga, organisasi atau persatuan dan berdaftar dengan Akta Pertubuhan 1966.

5.7 Jenis Usaha Niaga Klinik

- 5.7.1 Jika usaha niaga klinik didaftarkan sebagai perkongsian (bagi klinik perubatan swasta sahaja), perlu kemukakan salinan profil Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang terkini.
- 5.7.2 Jika usaha niaga klinik didaftarkan di bawah pertubuhan perbadanan, perlu kemukakan Maklumat Syarikat (*Corporate Information*) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 5.7.3 Bagi klinik pergigian swasta, hanya usaha niaga secara tuan punya tunggal (*sole proprietor*) atau pertubuhan perbadanan (*body corporate*) pergigian yang dibenarkan.
- 5.7.4 Keperluan klinik pergigian dengan jenis usaha niaga pertubuhan perbadanan:
 - (a) 50% daripada ahli lembaga pengarah mestilah pengamal pergigian berdaftar seperti yang dinyatakan dalam seksyen 48, Akta Pergigian 2018; dan
 - (b) *Nature of business* terhad kepada perniagaan pergigian sahaja.
- 5.7.5 Bagi klinik perubatan, jenis usaha niaga tidak menentukan hakmilik perakuan pendaftaran (klinik perubatan swasta hanya boleh dimiliki oleh individu iaitu pengamal perubatan berdaftar), selaras dengan Subseksyen 7(2), Akta 586.

5.8 **Varian Klinik**

- 5.8.1 Klinik yang mempunyai **perhubungan fizikal** dengan kemudahan jagaan kesihatan swasta yang lain bermaksud klinik yang berada di dalam kemudahan atau pusat jagaan kesihatan swasta lain.
- 5.8.2 Klinik yang mempunyai **perhubungan organisasi** dengan kemudahan jagaan kesihatan swasta yang lain bermaksud sama ada klinik dimiliki oleh sesuatu organisasi yang memegang lesen atau perakuan pendaftaran kemudahan atau pusat jagaan kesihatan swasta lain di mana terdapat perhubungan fizikal dengan klinik atau tidak.
- 5.8.3 Klinik yang mempunyai **perhubungan pentadbiran** dengan kemudahan jagaan kesihatan swasta yang lain bermaksud klinik yang ditadbir (e.g. dari aspek kewangan, sumber manusia) oleh sesuatu organisasi yang sama.

5.9 **Pemohon**

- 5.9.1 Penjawat awam yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak dibenarkan sebagai pemohon.
- 5.9.2 Bagi klinik perubatan swasta, pemohon mestilah seorang pengamal perubatan berdaftar yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia [*Malaysian Medical Council*, (MMC)] dan mempunyai APC semasa.
- 5.9.3 Bagi klinik pergigian swasta, pemohon mestilah sama ada
 - (a) seorang pengamal pergigian berdaftar yang berdaftar dengan MDC dan mempunyai APC semasa; atau
 - (b) pertubuhan perbadanan, dimana pemohon hendaklah merupakan orang yang diberi kuasa (OYDK) untuk memohon bagi pihak pertubuhan perbadanan itu.
- 5.9.4 Penjawat awam yang bertugas dengan Kementerian lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan dan sebagainya memerlukan surat kebenaran dan pelepasan dari Ketua Jabatan (seperti Dekan Fakulti) sepertimana yang ditetapkan mengikut peraturan 5, Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) di bawah Perintah Am (*General Order*).
- 5.9.5 Bagi klinik perubatan swasta, perakuan pendaftaran hanya boleh dikeluarkan kepada pengamal perubatan berdaftar sahaja.
- 5.9.6 Bagi klinik pergigian swasta, perakuan pendaftaran hanya boleh dikeluarkan kepada pengamal pergigian berdaftar atau pertubuhan perbadanan pergigian (pemohon).

5.10 **Orang Yang Bertanggungjawab (OYB)**

- 5.10.1 Penjawat awam yang bertugas dengan KKM tidak dibenarkan menjadi OYB.
- 5.10.2 Penjawat awam yang bertugas dengan Kementerian lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan dan sebagainya:

- (a) Perlu kemukakan surat kebenaran dan pelepasan dari Ketua Jabatan (seperti Dekan Fakulti) sepertimana yang ditetapkan mengikut peraturan 5, Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) di bawah Perintah Am (*General Order*); dan
 - (b) Memastikan waktu operasi klinik yang akan didaftarkan adalah di luar waktu bekerja di Kementerian yang berkenaan.
- 5.10.3 OYB hendaklah mempunyai kelayakan, latihan dan pengalaman yang setara dengan skop perkhidmatan yang ingin disediakan selaras dengan Jadual Ketiga, Peraturan-peraturan Kemudahan & Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [*P.U. (A) 137/2006*]:
- (a) Pengamal perubatan berdaftar yang mempunyai kepakaran tidak dibenarkan menjadi OYB bagi klinik perubatan umum.
 - (b) Bagi klinik perubatan umum - OYB mestilah seorang pengamal perubatan berdaftar yang telah menjalankan khidmat wajib (rujuk Seksyen 32, Akta 586 dan Peraturan 8 serta Jadual Ketiga, P.U. (A) 137/2006.
 - (c) Bagi pengamal perubatan, tempoh khidmat wajib bermula dari tarikh Perakuan Pendaftaran Penuh dikeluarkan sehingga tarikh kuatkuasa peletakan jawatan dalam perkhidmatan awam. Sekiranya khidmat wajib kurang dari 2 (dua) tahun, perlu kemukakan salinan surat kelulusan pengecualian/ pengurangan khidmat wajib yang dikeluarkan oleh KKM.
 - (d) Bagi pengamal pergigian, tempoh khidmat wajib hendaklah tidak kurang daripada 12 (dua belas) bulan secara terus-menerus dan bermula pada hari pertama melaporkan diri dengan majikan masing-masing. Kegagalan untuk mematuhi notis bertulis dan tempoh mengenai khidmat wajib akan membawa kepada penyingkiran nama daripada Daftar Pergigian (rujuk laman sesawang MDC).
 - (e) Bagi klinik perubatan pakar - OYB mestilah seorang pengamal perubatan berdaftar yang telah menjalankan khidmat wajib, mempunyai kelayakan kepakaran yang berkaitan dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia (rujuk Seksyen 32, Akta 586 dan Peraturan 8 serta Jadual Ketiga, P.U. (A) 137/2006 dan mempunyai sijil NSR.
 - (f) Bagi klinik yang turut menyediakan perkhidmatan estetik sebagai *area of interest* perlu mengemukakan LCP yang sah tempoh.
- 5.10.4 Seorang pengamal perubatan/ pergigian berdaftar dibenarkan menjadi OYB bagi 1 (satu) klinik swasta sahaja dan tidak boleh menjadi OYB di KPJKS lain.
- 5.10.5 OYB atau Ketua Jabatan/Perkhidmatan bagi KPJKS lain tidak dibenarkan menjadi OYB di klinik swasta.
- 5.10.6 Tanggungjawab OYB adalah memahami kesemua peranan OYB di bawah Akta 586.

5.11 Pelan Lantai

- 5.11.1 Skala 1:100.
- 5.11.2 Sekurang-kurangnya dilukis oleh pelukis pelan (*draughtsman/draftsman*).
- 5.11.3 Mempunyai nama dan alamat lengkap klinik yang ingin didaftarkan.
- 5.11.4 *Legend* yang lengkap.
- 5.11.5 Ukuran dan kemudahan bilik perundingan mematuhi Subperaturan 91(1), P.U. (A) 137/2006.
- 5.11.6 Ukuran dan kemudahan bilik rawatan jika disediakan mematuhi Subperaturan 91(2), P.U. (A) 137/2006.
- 5.11.7 Ukuran dan kemudahan bilik pembedahan pergigian perlu mematuhi Subperaturan 92 (2) dan 92 (3).
- 5.11.8 Ukuran lega dan arah ayunan pintu mematuhi Peraturan 37, P.U. (A) 137/2006.
- 5.11.9 Sekiranya klinik terletak di tingkat selain *ground floor*, perlu pastikan ukuran lega lebar tangga mematuhi *Uniform Building by-Laws* (UBBL) iaitu minimum 1.1m manakala bukaan lega pintu ke tangga adalah minimum 1.2m.
- 5.11.10 Semua laluan pesakit hendaklah mempunyai bukaan lega minimum 1.2m.
- 5.11.11 Bilangan bilik perundingan bagi klinik perubatan hendaklah selaras dengan bilangan pengamal perubatan yang memberi perkhidmatan.
- 5.11.12 Bilangan kerusi pembedahan pergigian hendaklah selaras dengan bilangan pengamal pergigian yang memberi perkhidmatan.
- 5.11.13 Dilabel tujuan dan kegunaan setiap ruang/bilik.
- 5.11.14 *Ramp* perlu dimasukkan dan ditunjukkan dalam pelan lantai berserta ukuran tinggi dan panjang yang mematuhi nisbah kecerunan 1:12.
- 5.11.15 *Beams, columns* dan ruang bawah tangga (sekiranya berkaitan) perlu ditunjukkan dalam pelan lantai

5.12 Dokumen sokongan

- 5.12.1 Salinan Perakuan Amalan Tahunan (APC) (**diperakui sah**):
 - (a) Bagi pemohon, APC semasa hendaklah tertera nama dan alamat klinik yang ingin didaftarkan;
 - (b) Bagi OYB, APC semasa hendaklah tertera nama dan alamat klinik yang ingin didaftarkan sebagai tempat utama amalan;
 - (c) APC yang tertera nama & alamat KPJKS lain boleh diterima, tetapi pemohon/OYB perlu membuat pertukaran nama & alamat klinik tempat amalan di MMC/MDC (apabila APC yang tertera nama dan alamat klinik telah diterima, pemohon hendaklah segera kemukakannya ke CKAPS);
 - (d) Jika APC yang dikemukakan tertera nama & alamat fasiliti kesihatan KKM, perlu sertakan surat pengesahan peletakan jawatan dari KKM dan pemohon/OYB perlu membuat pertukaran nama & alamat klinik tempat amalan di MMC/MDC;

- (e) Jika APC yang dikemukakan tertera nama & alamat fasiliti kesihatan kerajaan bukan KKM:
- Perlu sertakan surat kebenaran untuk menjadi pemegang perakuan pendaftaran (*Certificate of Registration (COR) holder*) atau OYB bagi klinik berkenaan dan dibenarkan bekerja mengikut waktu operasi klinik (luar waktu bertugas) dari Ketua Jabatan; dan
 - Pemohon/OYB perlu membuat penambahan nama & alamat klinik tempat amalan di MMC/ MDC.
- 5.12.2 Bagi Pengamal Perubatan^{***}/ Pergigian Berdaftar dengan Kepakaran:
- (a) Perlukan salinan sijil kelayakan Pasca Ijazah (***diperakui sah***); dan
 - (b) Salinan Sijil NSR bagi pengamal perubatan/Perakuan Pendaftaran sebagai Pakar Pergigian bagi pengamal pergigian (***diperakui sah***).
- ^{***} Dibenarkan menjadi OYB bagi klinik pakar sahaja, tidak boleh menjadi OYB klinik umum.
- 5.12.3 Akuan Berkanun (SD)-
- (a) Perlukan SD asal (*original*) dan bukan SD yang digunapakai untuk syarikat;
 - (b) Hendaklah ditandatangani oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, Pesuruhjaya Sumpah atau notari awam sahaja;
 - (c) Tertera nama, nombor kad pengenalan;
 - (d) Menyatakan bahawa "*tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran dan bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan*".
- 5.12.4 Surat persetujuan menjadi OYB perlu dikemukakan sekiranya OYB berlainan dengan pemohon.
- 5.12.5 Salinan SSM *Corporate Information* terkini bagi Pertubuhan Perbadanan (***diperakui sah***).
- 5.12.6 Salinan sijil Siap Pematuhan Bangunan (CF) (***diperakui sah***)
- Boleh diganti dengan salinan cukai pintu atau cukai taksiran atau yang seumpamanya dimana bayaran dibuat kepada Pihak Berkuasa Tempatan
- 5.12.7 Kos & perincian Penubuhan Klinik
- (a) Mempamerkan jumlah yang dibelanjakan bagi menubuhkan klinik
 - (b) Salinan buku akaun bank tidak diperlukan
- 5.12.8 Salinan Sijil Lesen Tenaga Atom dan Lampiran A (jika menyediakan perkhidmatan *x-ray*) (***diperakui sah***)
- (a) Pemohon perlu dapat kelulusan daripada Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan (BKRP), KKM
 - (b) Untuk beroperasi, lesen tersebut perlu dicop "menstor/mengguna"
 - (c) Nama penyelia tertera nama OYB/ pengamal perubatan berdaftar yang bekerja di klinik tersebut

*** mesin x-ray perlu dikendalikan oleh juru x-ray seperti yang digariskan dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 28/2010 yang berkuatkuasa mulai 28 Oktober 2010.

5.12.9 Salinan Sijil Layak Menggunakan *Autoclave* (Perakuan Kelayakan Dandang) (**diperakui sah**)

- Sekiranya masih belum memiliki sijil tersebut, perlu mengemukakan salinan Laporan Pemeriksaan Pertama Jentera yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).


5.12.10 Artwork papan tanda nama klinik

- (a) Nama dalam *artwork* perlu sama dengan nama klinik yang didaftarkan dalam Borang A.
- (b) Perlu merujuk Garis Panduan Papan Tanda Klinik Swasta.

5.12.11 Ramp

- (a) Perlu dinyatakan dan ditunjukkan dalam pelan lantai.
- (b) Nisbah kecerunan tidak boleh kurang dari 1:12.
- (c) Nisbah kecerunan ramp dihitung menggunakan formula berikut:

$$[\text{Panjang} \div \text{Tinggi} \geq 12]$$



Contoh pengiraan:

$$\frac{\text{Panjang}}{\text{Tinggi}} = \frac{120\text{cm}}{10\text{cm}} = \frac{12}{1}$$

6.0 RUJUKAN

- 6.1 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].
- 6.2 Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [P.U. (A) 137/2006].
- 6.3 Akta Perubatan 1971 [Akta 50] serta garis panduan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Medical Council* (MMC).
- 6.4 Akta Pergigian 2018 [Akta 804] serta garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Pergigian Malaysia (MPM).
- 6.5 *Guidelines on Aesthetic Medical Practice for Registered Medical Practitioners 2020*.
- 6.6 *Guidelines and Provisions for Public Information Adopted By Malaysian Dental Council*.
- 6.7 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304].
- 6.8 Garis Panduan Papan Tanda Klinik Swasta (September 2024).